

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

**Ringgit antara berpotensi mengukuh paling pantas**

# Ringgit antara berpotensi mengukuh paling pantas

**Kedudukan mata wang ketiga berada di bawah nilai di rantau ini selepas won, yen**

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Ringgit** berpotensi mengukuh lebih pantas berbanding mata wang baharu muncul lain sebaik sahaja situasi global berubah memandangkan ia antara mata wang yang berada di bawah nilai pada enam bulan pertama tahun ini, demikian menurut penganalisis.

Prospek ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dijangka positif menjelang suku keempat tahun ini susulan tinjauan stabil pertumbuhan ekonomi China dan pendirian Rizab Persekutuan (Fed) AS yang kurang agresif terhadap kenaikan kadar faedahnya.

Ia terbukti apabila ringgit mengukuh secara pantas ke paras RM4.52 sedolar pada awal minggu ini berbanding RM4.66 seminggu sebelumnya, didorong kemerostotan mendadak dolar AS susulan inflasi AS pada Jun meningkat lebih perlahan 3.0 peratus, paling rendah sejak Mac 2021.

Ketua Penyelidik Ekuiti Malaysia dan Serantau Maybank Investment Bank Group (Maybank IBG), Anand Pathmakanthan, berkata pasukan tukaran asing melihat prospek ringgit yang positif, terutama menjelang suku keempat 2023 apabila tinjauan stabil pertumbuhan China, termasuk mata wangnya dan naratif kurang agresif Fed AS.

Beliau berkata, memandangkan kitaran menaik kadar faedah oleh Fed menghampiri kemuncaknya dan inflasi AS dijangka terus menurun pada separuh kedua 2023, perkembangan itu mencegah pengukuhanaan mata wang negara maju itu.

**Pemuliharaan ekonomi China**  
Katanya, ekonomi China pula dijangka menunjukkan pemulihan yang lebih ketara menjelang suku keempat 2023, dijangka meningkatkan minat terhadap aset pasar baharu muncul serantau.

"Melihat kepada Kadar Pertukaran Efektif Benar (REER) ringgit, kami melihat skor-Z negatif dan ia (ringgit) adalah yang ketiga-paling berada di bawah nilai di rantau ini, selepas won dan yen.

"Ini menyokong ringgit melihat kenaikan yang lebih pantas berbanding mata wang baharu muncul lain sebaik saja situasi global berubah."

"Oleh itu, kami terus menjalankan ringgit berbanding dolar mengukuh mencecah RM4.50

menjelang akhir tahun," katanya dalam nota penyelidikannya.

Mengenai prestasi pasaran saham, Pathmakanthan berkata, pihaknya optimistik dengan berhati-hati mengenai kemajuan pasaran yang lebih baik separuh kedua 2023 walaupun panduan pendapatan bercampur-campur.

Beliau berkata, selain kadar faedah yang memuncak, Pilihan Raya Negeri (PRN) dan Belanjawan 2024 akan datang boleh mengejutkan pasaran secara positif.

Katanya, sektor wajaran tinggi seperti perbankan dan perladaan mempunyai ruang untuk kembali berprestasi lebih baik.

"Tambahan pula, inisiatif dan sasaran kemampunan yang diperlakukan memberi petanda baik bagi sektor seperti automotif dengan tumpuannya kepada kendaraan elektrik (EV) dan infrastruktur serta utiliti boleh diperbarui," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata ringgit dijangka terus mengukuh berdasarkan kepada pergerakan trend terkini.

Beliau berkata, ini berikutnya mata wang tempatan itu mencatatkan tahap agak baik minggu ini iaitu dalam lingkungan RM4.53 hingga RM4.63 berbanding dolar AS.

"Selain itu, indeks komposit Kuala Lumpur (KLCI) juga menunjukkan peningkatan daripada 1,380 mata kepada 1,406 mata yang menunjukkan ekonomi Malaysia sedang menuju ke arah yang tepat, seiring dengan asas yang kukuh."

"Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah pengurangan kadar defisit fiskal iaitu pada masa ini 5.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kerajaan sedang berusaha untuk menurunkannya kepada lima peratus."

"Kerajaan berjaya menguruskan hutang dengan baik dan membayar hutang itu dengan kadar bayaran yang tidak melebihi 15 peratus daripada hasil negara," katanya.

**Ini menyokong ringgit melihat kenaikan yang lebih pantas berbanding mata wang baharu muncul lain sebaik saja situasi global berubah**

Anand Pathmakanthan,  
Ketua Penyelidik  
Ekuiti Malaysia  
dan Serantau  
Maybank IBG

